

Peguam Najib dakwa ada bukti baharu

Um-18/12/2021

m/s 10

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pasukan pembelaan Datuk Seri Najib Tun Razak mendakwa menemukan bukti baharu membabitkan kes penyelewengan dana SRC International Sdn. Bhd. yang tidak pernah didedahkan sebelum ini.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berkata, perkembangan tersebut sekali gus menjadi satu lagi bukti dan keterangan baharu daripada yang pernah didedahkan pihaknya iaitu berhubung kaitan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar dengan ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low pada prosiding lalu.

Bagaimanapun, beliau tidak memperincikan bukti baharu tersebut kerana mendakwa masih terlalu awal untuk berbuat demikian.

“Untuk maklumat, kita memfailkan notis rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengekalkan hukuman



dan sabitan atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn. Bhd. Dalam rayuan ini, kita akan memasukkan bukti baharu yang belum didedahkan.

“Selain itu, kita merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak permohonan anak guam kami untuk memasukkan bukti dan keterangan baharu (bukti Zeti dan Jho Low)

bagi dipertimbangkan dalam rayuan kes SRC International Sdn. Bhd.,” kata beliau ketika sidang akhbar secara dalam talian semalam.

Mahkamah Rayuan sebelum ini sebulat suara mengekalkan sabitan salah atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn. Bhd. selepas menolak rayuan bekas Perdana Menteri itu.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Abdul Karim Abdul Jalil yang bersidang bersama Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera sebulat suara memutuskan demikian selepas mendapati rayuan Ahli Parlimen Pekan itu tiada merit.

Mahkamah turut mengekalkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta yang dikenakan terhadap Najib sebelum ini atas alasan hukuman yang dikenakan adalah wajar dan bersesuaian.

Sehari sebelum itu, mahkamah menolak permohonan bekas Perdana Menteri itu untuk memasukkan bukti dan keterangan baharu bagi dipertimbangkan dalam rayuan kes penyelewengan dana SRC International Sdn. Bhd. yang dihadapinya.

Dalam pada itu, Muhammad Shafee memaklumkan, pihaknya telah memfailkan notis rayuan berhubung keputusan Mahkamah Rayuan untuk dengar di peringkat Mahkamah Persekutuan.